

“Agi Idup Agi Ngelaban”

Adalah Pepatah Iban yang berarti “Berjuang Selagi Nafas Masih Ada”. Ia melambangkan kegigihan rakyat Sarawak mempertahankan tanah dan sumber kekayaannya serta warisan budaya mereka. Ia juga melambangkan suatu perjuangan demi menegakkan masyarakat yang aman dan adil saksama bagi semua. Sesungguhnya, perjuangan ini adalah demi kepentingan generasi sekarang dan generasi akan datang.

Diterbitkan oleh: 1993
Suara Rakyat Malaysia (SUARAM)
41C Jalan SS 6/12
47301 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia
Tel: (603) 703 9266
Fax: (603) 703 2784

Mana-mana bahagian buku ini boleh disalin, dihasil semula atau disesuaikan tanpa mendapat izin terlebih dahulu dari SUARAM asalkan ianya diperakui. Kami amat menghargainya sekiranya satu salinan bahan yang telah menggunakan mana-mana bahagian teks ini dihantar kepada kami.

Dicetak oleh:
Vinlin Press Sdn Bhd
Sri Petaling, Kuala Lumpur

ISBN 983-99827-0-2

703021

ANAL
A 11

11
1993
AGI

Suara Rakyat Malaysia (SUARAM)

adalah satu badan Hak Asasi Manusia yang terdiri dari sekumpulan individu yang memperjuangkan hak asasi manusia di Malaysia. Matlamat utama SUARAM adalah peningkatan kesedaran dan amalan hak asasi rakyat Malaysia.


SUARAM berakar umbi dari *Kumpulan Sokongan Tahanan ISA* yang telah diwujudkan apabila berlakunya peristiwa penahanan beramai-ramai dalam Operasi Lalang pada bulan Oktober 1987, di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

PENGHARGAAN

Tenaga dan masa yang tidak terkira telah dicurahkan ke atas penghasilan buku kecil ini. Buat mereka yang telah menyumbangkan fikiran, kreativiti, tenaga, sokongan moral dan segala sokongan yang menggerakkan projek ini, SUARAM ingin merakamkan ribuan terima kasih.

DEDIKASI

Buku kecil ini ditujukan kepada rakyat Sarawak, khususnya mereka yang tetap mempertahankan tanah dan penghidupan demi kebaikan generasi sekarang dan generasi akan datang.



KANDUNGAN

	Halaman
PENDAHULUAN: PERJUANGAN KENYALANG	1 - 4
BAB 1: SARAWAK - BUMI KENYALANG Penduduk Sarawak Kisah Hidup Penduduk Sarawak	5 - 7
BAB 2: SEJARAH NEGERI SARAWAK Kehidupan Dahulu Wira-Wira Sejarah Perjuangan Untuk Kemerdekaan Pembentukan Malaysia	8 - 13
BAB 3: HAK ASASI RAKYAT SARAWAK Punca Masalah Rakyat Apabila Pembalakan Tidak Terkawal... Konsep Menoa Orang Asal Sarawak Kemusnahan Hak Adat Orang Asal Undang-Undang Menafikan Keadilan Perjuangan Rakyat Apa Orang Asal Tuntut	14 - 25
BAB 4: KAWALAN KE ATAS RAKYAT MAKIN BERLANJUTAN Politik Pembangunan - Keuntungan Diutamakan	26 - 38
BAB 5: PERJUANGAN ORANG ASAL DI / PERINGKAT ANTARABANGSA	39 - 43
BAB 6: MEMBINA MASA DEPAN YANG BOLEH DIKEKALKAN Apakah Tanggungjawab Kita?	44 - 51





Pendahuluan

PERJUANGAN KENYALANG

Dalam masyarakat *Orang Asal* Sarawak, menghayati Adat Asal adalah penting. Kita tidak mungkin memahami Adat Asal tanpa memahami ikatan yang amat erat antara masyarakat *orang asal* dengan tanah dan hutan. Kerana tanah dan hutan merupakan sumber asas dalam kehidupan, terutama bagi suku kaum yang bergantung kepadanya, mereka cukup bersedia untuk mempertahankannya.

Perjuangan untuk mempertahankan hak tanah mereka dan menegakkan keadilan direstui oleh Adat Asal. Dalam Adat Asal, tanah adalah milik Tuhan yang diwariskan kepada manusia yang mengerjakannya. Maka mereka ada hak mengerjakan tanah ini – satu amalan sejak zaman nenek moyang mereka.

Semangat perjuangan untuk menegakkan hak dan keadilan diingatkan melalui gawai oleh segolongan besar *Orang Asal*. Gawai ertinya perayaan. Pada hari ini, gawai diadakan untuk meraikan mereka yang telah ditangkap, didakwa dan dipenjarakan kerana mereka mempertahankan tanah dan hak mereka. Perayaan ini yang disebut sebagai Gawai Bujang Berani adalah untuk menguatkan lagi semangat berjuang untuk pengiktirafan kuasa dan cara hidup mereka.

Lazimnya, perjuangan rakyat untuk mempertahankan hak tanah mereka tidak disiarkan dalam media. Malahan ia digelapkan daripada mata rakyat jelata. Maka, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menyokong, bukan sahaja per-



Upacara sambutan perayaan Gawai Bujang Berani.

juangan rakyat Sarawak bahkan apa sahaja perjuangan yang menegakkan hak dan keadilan.

Maka itu, SUARAM bersama beberapa badan dan kumpulan bukan kerajaan menganjurkan kempen Perjuangan Kenyalang yang berlangsung dari 17 Julai hingga 3 Ogos, 1992. Matlamat utama kempen ini adalah untuk memupuk kesedaran di kalangan rakyat Semenanjung Malaysia mengenai masalah rakyat Sarawak, khususnya mengenai Hak Adat Asal Orang Asal (Native Customary Rights [NCR]).

Justeru itu, enam orang pemimpin *Orang Asal* dari Sarawak, yang juga dikenali sebagai Bumi Kenyalang, telah dijemput melawat Semenanjung Malaysia, sambil mengadakan dialog bersama rakyat di bandar-bandar utama.



Mengapakah lambang kenyalang digunakan dalam kempen ini? Kenyalang adalah sekor burung yang besar dan kuat. Kepala dan bulu ekornya amat cantik dan mempersonakan. Pada masa yang silam, kenyalang dikatakan pemimpin semua burung duniawi kerana ia dipercayai mempunyai kuasa ajaib yang amat penting dalam peperangan. Keistimewaan ini membolehkan kenyalang menjadi lambang duniawi untuk menyambut Dewa Peperangan, Singalang Burung dalam kunjungannya ke bumi.


Orang Asal Sarawak, khususnya suku kaum Iban, percaya bahawa lambang kenyalang dapat mengelirukan serta menghapuskan musuh mereka. Kenyalang adalah lambang ketabahan dan kemenangan dalam peperangan.

Maka Perjuangan Kenyalang melambangkan perjuangan *Orang Asal Sarawak*. Perjuangan mereka adalah untuk mempertahankan tanah dan kehidupan mereka – satu perjuangan demi hak menentukan masa depan mereka sendiri.

Sempena lawatan enam orang pemimpin *Orang Asal* ini, pelbagai aktiviti dilancarkan seperti kempen tandatangan menyokong tuntutan *Orang Asal Sarawak*, kempen poskad, risalah maklumat, poster dan jualan baju-T.

Di samping itu, buku kecil yang dikeluarkan ini adalah bertujuan:

1. menjelaskan perjuangan *Orang Asal* Sarawak, Bumi Kenyalang, khususnya, mengenai Hak Adat Asal Orang Asal ke atas tanah dan hutan;
2. membetulkan maklumat yang kurang atau tidak tepat mengenai perjuangan *Orang Asal* Sarawak, khususnya mengenai tuntutan hak tanah mereka; dan
3. memberi maklumat mengenai pembalakan di Sarawak dan kesan buruknya ke atas *Orang Asal*.



Sarawak



Bab 1

SARAWAK – BUMI KENYALANG

Sarawak adalah negeri terbesar di Malaysia dan meliputi 38% dari keseluruhan tanah Malaysia. Luas tanah Sarawak adalah 124,449 km persegi. Tiga bahan eksport utamanya ialah petroleum, gas asli cair (LNG) dan kayu balak.

PENDUDUK SARAWAK

Jumlah keseluruhan : 1.64 juta orang

Penduduk Luar Bandar: Kira-kira 80%


Penduduk Bandar : Kira-kira 20%

Terdapat seramai 37 suku kaum *orang asal* Sarawak, iaitu kira-kira 70% daripada jumlah penduduk di Sarawak, atau 1,168,000 dari 1.64 juta orang. *Orang asal* terdiri dari suku kaum Bidayuh, Bukitan, Bisayah, Dusun, Iban, Kedayan, Kelabit, Kayan, Kenyah, Kajang, Lugat, Lisum, Melayu, Melanau, Murut, Penan, Sian, Tagal, Tabun, Ukit dan lain-lain.

Ada juga orang Cina, India, Indonesia dan lain-lain termasuk Eropah, Jepun dan Pakistan. Jumlah mereka adalah kira-kira 30%.

KISAH HIDUP PENDUDUK SARAWAK

Ramai penduduk luar bandar tinggal dalam rumah panjang, di tepi sungai ataupun anak sungai di ulu.



Rumah panjang orang Kenyah di Long Geng, Belaga.



Kebanyakan mereka hidup menanam padi bukit atau huma secara tanam-pindah di samping kegiatan memburu dan memungut hasil hutan; ada juga yang berpindah-randah memburu dan memungut hasil hutan.




Tanam-pindah – satu amalan sejak zaman nenek moyang orang asal Sarawak.

Ada juga penduduk luar bandar yang mengerjakan tanah; kehidupan mereka bergantung kepada sungai dan hutan. Mereka tidak tinggal dalam rumah panjang, tetapi dalam rumah berasingan.

Bagi penduduk luar bandar, khususnya mereka yang tinggal dalam rumah panjang (contohnya orang Kenyah dan Iban) dan mereka yang berpindah-randah (contohnya orang Penan), tanah dan hutan adalah darah daging kehidupan mereka.

Tanah dan hutan berhubung rapat dengan keseluruhan hidup *orang asal*, dan menjadi sumber keperluan asas mereka seperti makanan, rotan, kayu dan binatang. Tanah merupakan pusaka nenek moyang mereka di bawah Undang-Undang Hak Adat Asal (Native Customary Rights [NCR]).

Selain dari tanah dan hutan, sungai juga penting bagi penduduk luar bandar, terutama mereka yang tinggal di pendalaman. Sungai adalah punca air, makanan dan saluran pengangkutan mereka.



Sungai – saluran pengangkutan penting di pedalaman.

Cara hidup penduduk bandar pula sungguh berlainan daripada penduduk luar bandar. Penduduk bandar bukan saja bergantung kepada wang ringgit untuk memperolehi kebanyakan keperluan mereka, tetapi kehidupan secara bermasyarakat juga semakin lenyap.



Bab 2

SEJARAH NEGERI SARAWAK

KEHIDUPAN DAHULU

Kehidupan rakyat Sarawak dahulu mudah. Bagi penduduk luar bandar khususnya, mereka menanam – secara tetap atau berpindah-randah untuk mendapat makanan, menangkap ikan di sungai atau laut serta memungut hasil hutan. Ada juga di antara mereka yang merantau ke sana sini mencari kawasan baru untuk membuka ladang atau membina rumah. Ada juga urusan perdagangan di antara orang Melayu dan Cina dengan *orang asal*.

Tanah adalah amat penting bagi suku kaum *orang asal*. Tanah bukan sahaja sumber bagi penghidupan, tetapi juga merupakan jiwa, budaya dan identiti mereka. Oleh itu, ada suku kaum *orang asal*, khususnya orang Iban yang sering bertempur sesama sendiri atau dengan suku kaum lain untuk merebut tanah.

Pada tahun 1839, James Brooke, seorang pedagang Inggeris, sampai di Kuching.



James Brooke ingin menguasai Sarawak dan rakyatnya. Brooke menguasai Sarawak secara ganas. Mereka menggunakan meriam besar untuk menyerang rakyat, di samping memecah-belahkan rakyat Sarawak.

Setelah menjadi raja, Brooke mula menguasai seluruh Sarawak. Dia melancarkan beberapa gerakan tentera yang menghancurkan sesiapa saja yang memberontak. Serangan ini diteruskan oleh Charles dan Vyner Brooke, Raja Brooke seterusnya.

Antara tahun 1839-1904, banyak serangan berdarah telah berlaku. Ini termasuk serangan terhadap orang Iban yang diketuai Rentap, pada tahun 1854-1861; Sherif Masahor; pemberontakan orang Cina dari Republik San-tiao-gou di Daerah Bau pada tahun 1857; dan tentangan orang Kayan dan orang asal lain yang diketuai Apong Dian pada tahun 1863-1864.

Rakyat Sarawak tidak berdiam. Mereka melawan balik kerana tidak mahu dikuasai oleh kuasa asing. Rakyat tidak memerlukan campurtangan orang asing untuk selesaikan masalah mereka. Rakyat sendiri mampu berbuat demikian.

Brooke menghapuskan musuhnya dengan memecah-belahkan rakyat Sarawak agar semangat rakyat mati. Antara musuh Brooke, Rentaplah yang paling terkenal. Serangan Brooke terhadap Rentap adalah yang paling lama dan dahsyat sekali.

WIRA-WIRA BERSEJARAH

Rentap – yang bererti menggegarkan dunia – seorang wira Iban (1800-1870). Bersama rakyat berani, Rentap telah melawan James Brooke demi mempertahankan Sarawak. Rentap melawan James Brooke kerana Brooke menguasai Sarawak secara keras; memaksa rakyat membayar cukai tinggi kepadanya – mereka yang enggan dibunuh atau dipaksa masuk tentera; dan merampas tanah rakyat.



Gambar selitan:
Tempat Rentap
meninggal.



Wajah yang
disejagati oleh
Brooke.



Sherip Masahor

Brooke cuba menggunakan senjata api yang kuat untuk menghapuskan Rentap.

Rentap dan orangnya dapat melarikan diri sebelum dibunuh Brooke, dan menetap dekat Sungai Wuak di kawasan Pakan sehingga usia tua. Rentap meninggal dunia di Kerangan Panggil, Wuak di Pakan pada tahun 1870.

Sherip Masahor (1810-1890) pula adalah ketua orang Melayu dan Melanau. Pada tahun 1849, Sherip berjaya mengambil alih Daerah Rajang daripada Sultan Brunei. Tetapi Brooke merampas kuasanya secara keras di samping menghinasaudara-maranya. Sherip menentang Brooke, tetapi Brooke menggunakan orang Iban untuk mengalahkannya. Sherip dibuang negeri ke Singapura. Sebelum kematiannya di Singapura, Sherip masih bersemangat ingin menghalau Brooke dari Sarawak.

Seorang lagi wira ialah Apong Dian, ketua orang Kayan. Brooke telah memaksa orang Kayan membayar cukai tahunan dalam bentuk beras yang bernilai seringggit seorang. Kemudian, dua orang Kayan yang dituduh membunuh pegawai Brooke dilindungi oleh Apong Dian. Pada tahun 1863, Charles Brooke, Raja yang kedua, telah menghantar tenteranya menyerang Apong Dian, tetapi telah dikalahkan.

Selepas itu, Charles Brooke melancarkan dua lagi serangan ke atas Apong Dian di Katibas, di ulu Sungai Rajang.


Akhirnya, Apong Dian terpaksa menyerah kalah. Mengapa pula begitu? Charles Brooke menggunakan muslihat memecah-belahkan rakyat supaya rakyat berlawan sesama sendiri dan tidak lagi percaya antara satu sama lain. Orang Iban dari Bahagian Ketiga digunakan oleh Charles Brooke untuk menghalau orang Kayan ke kawasan pendalaman. Pada mulanya, orang Kayan tinggal di Kapit, tetapi akhirnya, mereka terpaksa berundur ke pendalaman apabila diserang oleh orang Iban yang diberi senjata api yang kuat oleh Charles Brooke.

Walaupun Apong Dian telah menyerah kalah, Charles Brooke masih merasa gentar dan merancang untuk membunuhnya.

Rancangan Brooke adalah begini: dia mengadakan satu majlis di rumahnya dan menjemput Apong Dian. Semasa itu, Brooke meracuni minuman Apong Dian lalu membunuhnya.

Kematian Apong Dian menaikkan kemarahan orang Kayan. Mereka ingin membalas kematiannya. Tetapi ketua baru mereka adalah seorang penakut yang tunduk kepada Brooke, menyebabkan mereka tidak melawan balik. Brooke memaksa orang Kayan membayar cukai tinggi kepadanya. Dalam keadaan demikian, orang Kayan semakin membenci penjajah ini.

Keluarga Brooke terus menguasai Sarawak selama 100 tahun. Pada tahun 1941, Jepun menakluki seluruh Asia Tenggara termasuk Pulau Borneo. Vyner Brooke, raja yang terakhir, telah melarikan diri ke Australia.



Vyner Brooke, raja yang terakhir melarikan diri ke Australia.

PERJUANGAN UNTUK KEMERDEKAAN

Setelah Jepun undur pada tahun 1945, Kerajaan British mengambillah Sarawak. Rakyat Sarawak pula mula menubuhkan gerakan menentang kuasa penjajah.

Pada awalnya, gerakan ini seolah-olah ingin memulihkan Sarawak kepada kedudukan sebelum perang. Ramai pemuda-pemudi gerakan ingin mengembalikan kuasa Brooke, yang dianggap sebagai harapan untuk men-

capai kemerdekaan bagi Sarawak.



Gerakan menentang kuasa penjajah.

Tetapi anggapan ini salah belaka! Taktik damai tidak berkesan untuk membolehkan rakyat Sarawak mencapai kemerdekaan.

Bila "taktik berperlembagaan" gagal, kepimpinan telah diambilalih oleh Pergerakan Pemuda Melayu di Sibu.

Pada bulan Disember 1949, Gabenor Duncan Stewart dibunuh oleh Rosli Dhoby, seorang guru berusia 17 tahun. Pembunuhan ini merupakan tindakan




Rosli Dhoby ditangkap dan dipenjarakan.

mendesak, demi menghidupkan semangat gerakan nasionalis yang semakin pudar akibat bertahun-tahun berjuang "secara sah" tanpa sebarang kejayaan.

Rosli Dhoby ditangkap dan dipenjarakan. Tetapi kejadian ini meninggalkan bara yang berjaya mempercepatkan proses kesedaran politik rakyat Sarawak, khususnya gerakan menentang penjajah.

PEMBENTUKAN MALAYSIA

Pada tahun 1963, Malaysia dibentuk, yang dianggotai oleh Sarawak, Sabah, Semenanjung Malaysia dan Singapura (yang keluar pada tahun 1965). Bagi Sabah dan Sarawak, satu Perjanjian 20-Syarat digubal demi menjaga hak memerintah sendiri kedua-dua negeri ini. Namun, adakah 20 syarat ini disahkan oleh Kerajaan Persekutuan? Setelah 29 tahun penyertaan Sarawak dalam Malaysia, bagaimana keadaannya sekarang?




Sarawak adalah kaya, tetapi rakyat miskin.

Mari kita lihat
contoh ini.



Sarawak kaya dengan sumber-sumber alam seperti kayu balak, LNG dan petroleum. Dari sumber-sumber ini, dapat hasil pendapatan. Maka Sarawak adalah kaya. Tetapi adakah rakyat Sarawak juga kaya?

Sarawak mengeluarkan 150,000 tong minyak sehari. Harga 1 tong kira-kira RM\$40, jadi 1 hari dapat RM\$6 juta. Tetapi Sarawak cuma dapat 5% saja dari jualan minyak. Siapakah yang menikmati keuntungan dari jualan minyak Sarawak? Kerajaan Pusat memperoleh 50.5% dari hasil minyak Sarawak dan Shell Belanda, 44.5%. Tetapi bagi rakyat Sarawak...





Bab 3

HAK ASASI RAKYAT SARAWAK

PUNCA MASALAH RAKYAT

Kerajaan Negeri di bawah Ketua Menteri Taib Mahmud berusaha untuk membina lebuh raya, jambatan, dewan serba guna, empangan hidro eletrik serta membuka ladang yang besar.


Tetapi, untuk maksud itu, kerajaan mesti ada tanah yang luas. Kebanyakan penduduk tinggal di kawasan yang subur dan sesuai untuk pertanian. Mereka dihalau bila kerajaan hendak menggunakan tanah mereka. Tanah dirampas melalui undang-undang tanah.

Ini dikatakan "Politik Pembangunan Taib".

Atas nama "pembangunan", beribu-ribu ekar tanah *orang asal* telah dirampas dan diwartakan sebagai tanah kerajaan, taman negara, hutan simpanan dan


tanah untuk pembangunan, termasuk kawasan-kawasan Bakong, Ulu Sibutidan Ulu Niah di Miri; Batang Ai, Lemanak, Batu Kaya dan Pakit-Undup di Bahagian Sri Aman yang sama.

Hak *orang asal* ke atas tanah mereka juga semakin merosot disebabkan oleh pembalakan secara tidak terkawal dan sembarangan.



"Politik Pembangunan Taib"

Perniagaan kayu balak adalah paling bahaya terhadap hak tanah *orang asal*. Lebih 150 tahun selepas pemerintahan James Brooke, raja yang pertama memperkenalkan sistem pemilikan tanah baru, rakyat masih berjuang untuk mempertahankan tanah pusaka mereka. Walaupun mereka diberitahu oleh kerajaan Inggeris dan kerajaan sekarang bahawa tanah pusaka mereka akan dilindungi oleh Hak Adat Asal Orang Asal (Native Customary Rights [NCR]), namun itu hanya janji manis saja. Hak NCR diambil oleh orang yang berkuasa yang ada hubungan dengan perniagaan besar dari dalam dan luar negeri.



Pembalakan mengancam penghidupan orang asal.

Sememangnya diketahui umum bahawa hutan telah memberi ganjaran yang lumayan kepada sebilangan kecil ahli-ahli politik dan hartawan-hartawan perniagaan yang menguasai perusahaan pembalakan Sarawak.

APABILA PEMBALAKAN TIDAK TERKAWAL ...

Sehingga tahun 1985, 30% daripada hutan Sarawak telah ditebang. Kadar pengeluaran kayu balak di antara tahun 1990 dan 1991 adalah kira-kira 18 juta meter kubik. Kadar ini adalah dua kali ganda lebih banyak daripada jumlah yang ditetapkan oleh Pertubuhan Pengeluar Kayu Tropika Antarabangsa (ITTO), iaitu 9.2 juta meter kubik setiap tahun. Mengikut anggaran ITTO, yang telah dijemput oleh Kerajaan negeri Sarawak pada bulan November 1989 untuk membuat siasatan mengenai pembalakan di Sarawak, hutan negeri Sarawak akan pupus pada tahun 2000 kalau pembalakan mengikut kadar sekarang tidak dihentikan.



Tongkang mengangkat kayu balak di Sg. Rajang.

Pembalakan membawa kesengsaraan yang amat sangat kepada *orang asal* - terdapat kes kekurangan zat makanan dan penyakit yang semakin meningkat di kawasan pembalakan. Kehidupan masyarakat dimusnahkan, mereka mengalami kemiskinan dan terpaksa menjadi kuli. Namun begitu, pembalakan terus berlaku dan di beberapa kawasan, pada kadar 24 jam.

Kawasan takungan dan tadahan air termusnah, mengakibatkan banjir dan kemarau. Sungai di kawasan pembalakan menjadi tercemar. Air yang dahulunya jernih dan banyak ikan kini menjadi berlumpur dan cetek. Hidupan sungai seperti ikan hampir pupus dan air tidak lagi selamat untuk diminum dan digunakan untuk mencuci.



Kesan pembalakan: kemusnahan hutan-rimba dan permukaan.

Di samping itu, pembalakan menghapuskan hidupan liar. Ikan dan binatang liar (seperti kijang dan babi hutan) yang merupakan sumber utama bagi protein kini telah berkurangan. Pembalakan juga menghapuskan pokok sagu, buah-buahan liar, tumbuhan herba dan ubat-ubatan serta hasil hutan lain, yang merupakan sumber pendapatan penting.

Pada kesimpulannya, pembalakan menghancurkan sumber asas masyarakat yang hidup bergantung kepada tanah. Kerosakan ini tidak boleh diperbaiki. Banyak jenis tumbuhan dan binatang telah lenyap untuk selama-lamanya. Sungai mungkin tidak boleh menjadi jernih semula. Permukaan tanah menjadi tandus dan tidak subur.

Bagikaum perempuan, kehidupan mereka bertambah susah apabila hutan dan sungai dirosakkan. Lazimnya mereka yang mencari kayu api di hutan dan mengambil air dari sungai untuk keluarga.

Uloi, seorang dari peserta Jawatankuasa Kempen Sarawak, Kumpulan Wanita yang melawat Jepun berkata:



Akibat pembalakan, mencari kayu api bertambah susah bagi kaum perempuan.




"Sekarang kami mengalami kekurangan kayu disebabkan kegiatan pembalakan yang intensif. Saya dan keluarga berjalan selama dua hari untuk mendapatkan kayu yang cukup untuk kegunaan dua minggu. Dulu, kayu itu biasanya dikumpul berdekatan dengan rumah kami."

Kerajaan Negeri mengakui bahawa pembalakan menyediakan pekerjaan bagi 65,000 orang tetapi lebih dari 1/3 adalah pekerja asing dan bahagian keuntungan pekerja-pekerja adalah kurang daripada 4% dari keseluruhan pendapatan kasar yang diperolehi dari penjualan balak. Di samping itu, setiap tahun, pada puratanya 100 orang pekerja balak mati akibat kemalangan dan beribu-ribu lagi cedera parah bahagian tubuh badan. Pampasannya pula tidak mengikut kadar.

Ugutan Kerajaan ke atas *orang asal* Sarawak semakin meningkat. Masyarakat *orang asal* yang membuat benteng tubuh badan secara aman untuk menghalang pembalakan dari mencero bohi tanah mereka telah ditangkap dan didakwa. Sehingga tahun 1987, lebih daripada 400 *orang asal* dari pelbagai suku kaum telah ditangkap atas kesalahan menyekat jalanraya pembalakan dengan tubuh badan mereka serta rintangan yang berupa benda-benda (seperti kayu dan tong) di kawasan pendalaman.

Beberapa kes:



Kerajaan telah meningkatkan usaha mereka untuk menghapuskan penentangan rakyat tempatan terhadap kegiatan pembalakan di Sarawak.

Semasa membuat keputusan bagi kes 8 orang Iban dari Tatau-Sangan itu, majistret mengatakan bahawa hukuman yang berat adalah sebagai "faktor penghalang" yang juga merupakan "polisi awam". Majistret juga mengatakan bahawa kes sebegini, iaitu percubaan untuk mempertahankan tanah NCR mereka dari pembalakan sungguh "berleluasa" di Sarawak.

Namun begitu, *orang asal* Sarawak tetap memperjuangkan hak mereka ke atas tanah *menoa* tersebut yang dianggap sebagai milik kerajaan yang biasanya dilesenkan kepada *kompni* balak. Apakah yang diertikan dengan *menoa*?



KONSEP MENOA ORANG ASAL SARAWAK

Dalam memahami *menoa*, hak *orang asal* Sarawak terhadap tanah, kita harus memahami tanggapan *orang asal* terhadap pemilikan tanah. Mengikut adat asal, tanah tidak dimiliki secara perseorangan. Wujud sistem di mana tanah dimiliki oleh seseorang sebagai ahli dalam masyarakat dan oleh keluarga atau individu yang mengerjakannya. Maka, tanah adalah milik bersama dan diturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain.

Menoa – adat asal *orang asal* terhadap tanah adalah tanah sekeliling rumah panjang yang diputuskan oleh masyarakat rumah panjang. Apabila sesebuah masyarakat pindah ke tempat yang baru, mereka akan membina rumah panjang untuk kesemua ahli masyarakat tinggal. Selepas itu ketua mereka dengan pasukannya akan berjalan untuk sehari suntuk dari rumah panjang untuk menetapkan sempadan *menoa*. Maka, sempadannya adalah sehari perjalanan pergi dan sehari perjalanan balik ke rumah panjang. Lazimnya, sempadan *menoa* adalah terdiri daripada satu sungai, tumbuhan rotan dan pokok buah-buahan.




*Kawasan
menoa biasanya meliputi
yang berikut:*

1. Hutan Kg. Galau – hutan simpanan komuniti. Kawasan ini biasanya dirujuk sebagai “bank” kerana ia membekalkan mereka dengan sumber kayu, buruan bagi mendapatkan daging sebagai makanan dan bahan bagi membina tempat perlindungan.
2. Perumahan – kawasan untuk rumah panjang.
3. Temuda Berimba – kawasan tanah yang diperuntukkan untuk tanaman padi atau tanaman makanan yang lain. Setiap bilik dikhaskan kawasan temuda sendiri yang mereka sendiri jagai. Kawasan temuda diwariskan dari satu generasi ke generasi yang lain tanpa mengambil kira jantina.
4. Temawai – tapak rumah panjang yang lama, jika ada.
5. Pengkalan – tempat untuk menyimpan perahu dan melabuh.
6. Engkeliling Juway – Tapak peringatan suci.
7. Tanah perkuburan.

8. Tanah Mali – satu lagi kawasan yang dihaskan untuk upacara agama.
9. Kawasan untuk menanam pokok buah-buahan dan buluh.
10. Duway – kawasan yang dihaskan untuk generasi masa depan atau dimajukan untuk penanaman.

Menoa



Kesepuluh aspek pembahagian dan penggunaan tanah ini yang membentuk *menoa*. Dari itu, kita boleh menyimpulkan bahawa hak terhadap tanah adalah secara bersama dan diputuskan oleh masyarakat sendiri. Maka, pemilikan tanah adalah secara bersama, penggunaannya secara bersama dan tanggungjawab terhadapnya juga secara bersama.

Dalam kes perbalahan terhadap tanah atau *temuda*, ketua mereka yang dipilih akan cuba menyelesaikan perbalahan secara berunding dengan mereka yang lebih tua di dalam masyarakat itu. Jika ia tidak dapat menyelesaikan perbalahan itu, ia akan meminta bantuan daripada ketua dari masyarakat yang lain. Wujud suatu proses yang demokratik untuk membuat keputusan mengenai pemilikan tanah dan penggunaannya.

KEMUSNAHAN HAK ADAT ORANG ASAL

Hak adat *orang asal* kini telah merosot dan tidak boleh bertanding dengan Kanun Tanah Sarawak dan undang-undang lain yang begitu berkuasa di Sarawak. Maka seorang asal mungkin mendapati bahawa hak keutamaannya ke atas tanah, khususnya *menoa* semakin terhakis dan dia mungkin diberitahu bahawa tanah tersebut kini dimiliki kerajaan atau dilesenkan kepada *kompni* balak. Konsep *menoa* digantikan dengan sistem pemilikan tanah yang bersifat barat dan individualistik. Lazimnya undang-undang tanah tersebut adalah berdasarkan Sistem Pemilikan Tanah Torrens.

Sebelum tahun 1841, masyarakat *orang asal* mengamalkan hak adat *orang asal* secara bebas. Dengan kedatangan James Brooke ke Sarawak dan selepas dia menjadi Rajah Putih (white Rajah), banyak undang-undang diluluskan yang menghadkan amalan hakadat *orang asal* dan pertanian pindah-randah. Kerajaan Brooke telah memerintah *orang asal* Sarawak melalui strategi "membahagikan memerintah". Mereka yang menentang Brooke atau enggan membayar cukai dibunuh dengan kejam.

Kawalan kerajaan ke atas tanah bermula dengan Perintah Tanah 1920 yang mengatakan bahawa kesemua tanah Sarawak adalah kepunyaan kerajaan Brooke. Kawalan ini semakin diperluaskan apabila kesemua tanah dikelaskan kepada 5 kategori pada tahun 1958, iaitu:

- i) Tanah Zon Campuran yang meliputi hanya 7.9% dari jumlah kawasan yang diperuntukan untuk *orang asal* dan orang asing dan adalah milik mereka yang mempunyai geran;
- ii) Kawasan Tanah *Orang Asal*, meliputi 7.4% di mana *orang asal* mempunyai hakmilik individu ke atas tanah;
- iii) Tanah Kawasan Pedalaman meliputi 68.9%. Tanah ini dimiliki oleh kerajaan negeri. Kesemua *orang asal* mesti mendapatkan kebenaran daripada kerajaan negeri untuk menggunakan tanah.
- iv) Tanah Rezab (15.7%)
- v) Tanah Adat *Orang Asal* yang meliputi hutan komuniti. Ia adalah *menoa* dari kategori (i) - (iii). Geran boleh diperolehi daripada Superintenden Jabatan Tanah dan Ukur. Kebelakangan ini, kawasan di bawah kategori ini telah berkurangan.



Ini yang sering berlaku kepada permohonan *orang asal*.

Hak-hak *orang asal* ke atas tanah telah dihakiskan secara hebat di bawah pengkelasan di atas sejak 1hb Januari 1958. Hari ini tuntutan-tuntutan *orang asal* terhadap tanah adat asal hanya merangkumi lebih kurang 22% sahaja dari jumlah tanah di Sarawak. Ini kerana undang-undang terlalu memihak kepada pihak kerajaan dan *kompenni* balak. Undang-undang juga menghadkan, membatasi dan menghakis hak adat *orang asal*.

UNDANG-UNDANG MENAFIKAN KEADILAN

Dua undang-undang utama yang berkaitan dengan hutan dan tanah di Sarawak ialah Ordinan Hutan dan Kanun Tanah Sarawak. Mari kita lihat bagaimana dua undang-undang ini dikuatkuasakan.

Ordinan Hutan 1953

Ini merupakan alat utama yang menetapkan polisi perhutanan. Di bawah Ordinan ini terdapat dua kategori iaitu, Hutan Kekal dan Hutan Tanah Negeri.

Hakikatnya, ordinan ini bertujuan untuk membinasakan amalan pertanian pindah-randah. Ordinan ini juga telah "melindungi" hutan dan hasil-hasil tersebut daripada dinikmati oleh *orang asal*. Bagaimana ini berlaku?

Terdapat kawalan yang lebih ketat ke atas hutan oleh Jabatan Perhutanan dengan pindaan lanjut kepada Ordinan Hutan pada tahun 1979, dan kemudiannya pada November 1987. Sesiapa yang mencerobohi kawasan hutan, membalak atau memungut hasil hutan di Hutan Rezab, Hutan Kekal atau Hutan Tanah Negeri boleh dikenakan hukuman. Dengan itu jelaslah bahawa orang asal akan menanggung lebih kesusahan terutama sekali di kawasan-kawasan di mana mereka mengamalkan penggunaan tanah adat asal.

Kanun Tanah Sarawak 1958

Kanun ini berkuatkuasa sejak 1 Januari 1958 dan merupakan undang-undang tanah yang utama di Sarawak. Walaupun secara teori kanun ini melindungi hak adat *orang asal*, tetapi tinjauan yang lebih mendalam mendedahkan percanggahan. Mengikut Seksyen 8, adalah tidak sah bagi orang asing memperolehi hak dan keistimewaan ke atas lima kategori tanah tersebut di atas. Tetapi Seksyen 9 pula memberikan orang asing hak-hak melombong galian dan sumber-sumber lain.

Saya berhak:

- meluluskan lesen untuk kegiatan melombong atau pembalakan.
- mewartakan Hutan Kekal dan Hutan Rezab.
- memperluaskan atau memperkecilkan Tanah Adat *Orang Asal*.




Menteri Perancangan Sumber Alam, Taib Mahmud

Hakikatnya, kurang sekali pengiktirafan yang diberikan kepada *menoa* secara keseluruhannya kini. Kanun tanah yang dipinda pada tahun 1974 hanya mengiktiraf temuda sehaaja. Di banyak bahagian Sarawak, pembalakan dijalankan di hutan masyarakat yang adalah sebahagian daripada *menoa*. Pencerobohan sedemikian terhadap tanah mereka yang menjadi fokus perjuangan orang asal untuk menegakkan adat asal mereka terhadap tanah dan tuntutan pengiktirafan hak orang asal terhadap tanah mereka.

PERJUANGAN RAKYAT

Mengikut Tama Lawai, seorang ketua kaum Kelabit, "Kita mahukan pembangunan, tetapi bagaimana kita sanggup terima pembangunan yang memaksa kita menyerahkan hak kita ke atas tanah?"



Tanah pusaka
Orang Asal
ditampas

Pembalakan
tanpa
kawalan

Apa yang
sebenarnya
berlaku...






APA ORANG ASAL TUNTUT

Kami Menyeru Agar:

- Mengiktirafkan hak kami ke atas tanah pusaka kami;
- Menghentikan semua kegiatan pembalakan di kawasan tanah MENOA komuniti kami;
- Menggubal undang-undang yang adil, mengikut ADAT ASAL kami, untuk menyelamatkan tanah dan hutan kami;
- Menanam semula pokok kayu di kawasan di mana kegiatan pembalakan telah dijalankan;
- Menjamin penghidupan kami dengan mengawasi harga-harga hasil tanaman kami yang kami jual untuk mendapatkan tunai dan mengawal harga barangan yang kami beli untuk kegunaan seharian kami;
- Memastikan kami *orang asal* turut mendapat keuntungan dalam pengurusan Wang Yayasan Sarawak yang diperolehi dari keuntungan sumber alam semulajadi;
- Menguruskan industri kayu balak mengikut cara yang terkawal dengan melibatkan penyertaan pengetahuan *orang asal* dan memastikan *orang asal* mendapat bahagian untung yang berpatutan;
- Menyediakan biasiswa kepada anak-anak kami *orang asal* dan merujuk semula sistem pelajaran supaya ianya sesuai dengan sosial dan kebudayaan kami;
- Menentukan bahawa peluang-peluang pekerjaan yang adil (terutama sekali dalam perkhidmatan kerajaan) kepada kami *orang asal* yang berpelajaran dan berkelayakan; dan
- Memastikan penglibatan yang sama dikalangan wanita *orang asal* dalam proses perancangan dan proses membuat keputusan mengenai semua projek pembangunan.





Bab 4

KAWALAN KE ATAS RAKYAT MAKIN BERLANJUTAN

Hutan rimba negeri Sarawak ditebang dengan begitu cepat. Dalam masa 8 tahun ia akan lenyap. Hak *orang asal* keatas tanah NCR telah dirampas dan kehidupan mereka terjejas.

Ya, hak asasi mereka telah dicabuli. Lagipun, maklumat seperti ini langsung tidak dilaporkan dalam akhbar, radio dan televisyen. Rakyat Sarawak tidak boleh membiarkan pemusnahan tanah dan hutan mereka.

Adakah itu sebabnya masyarakat *Orang Asal* membuat rintangan?





"Jika kami tidak berjuang untuk mempertahankan tanah NCR kami, lama-kelamaan kami akan mati. Oleh itu kami telah membuat rintangan di jalanraya pembalakan untuk menahan kegiatan pembalakan itu. Kami bertindak begitu bukan dengan perasaan gembira tapi terdesak" - Jangan Tambilong, seorang ketua suku kaum Kelabit.

Mengikut laporan Borneo Bulletin pada Disember 1986, sekumpulan ketua dari suku kaum Penan telah memberitahu kerajaan negeri supaya bertindak untuk menghentikan kegiatan pembalakan di Ulu Baram. Jika tidak orang Penan akan bertindak sewajarnya untuk mempertahankan diri mereka. 18 buah komuniti dari kawasan Limbang dan Baram telah memohon untuk Hutan Simpanan Rakyat tetapi semua permohonan itu ditolak. Sebaliknya ia diberi kepada *kompeni* kayu balak.

Sebelum membuat rintangan, orang kampung telah menghantar surat rayuan kepada Pegawai Daerah, Menteri dan syarikat balak meminta agar pembalakan yang telah memusnahkan kehidupan dan sumber makanan mereka diberhentikan.

Apa yang yang terjadi kepada rayuan mereka? Surat mereka tidak dibalas. Sebaliknya, siapakah yang bersalah?




Pada 1 April 1987, 15 orang pemilik tanah dari Uma Bawang, Baram telah membuat laporan di Balai Polis Marudi. Tetapi tidak ada tindakan dari pihak polis.



Kemudian pada 24 April 1987, seorang pegawai dari *kompeni* kayu balak dan Pasukan Polis Hutan (PPH) dari Miri dan Marudi telah pergi ke Uma Bawang. Mereka mengugut akan menangkap pemilik tanah itu kalau mereka terus membuat benteng di kawasan tanah mereka. Polis juga mengarahkan mereka merobohkan benteng di jalanraya pembalakan.

Permohonan *orang asal* untuk Hutan Rakyat dan aduan tentang *kompeni* balak menceroahi tanah NCR mereka sering diabaikan oleh kerajaan.





"Walaupun menghadapi maut, kami tetap menghalang jalan pembalakan ini!"

Sejak 1987, *orang asal* dari suku kaum Kenyah, Kelabit dan Penan di Daerah Baram dan Limbang telah membuat 23 rintangan. Mulai pertengahan bulan Jun 1990, suku kaum Kenyah dari Long Geng memulakan benteng. Pada 1989, orang Iban dari 9 buah rumah panjang di Sg. Tatau, Bintulu membuat benteng untuk menghalang Syarikat Daiya Malaysia Sdn. Bhd.

Semangat mempertahankan kehidupan dan tanah NCR telah tersebar ke merata-rata kawasan Sarawak. Banyak suku kaum *orang asal* telah membuat rintangan.

"Kami tahu *kompeni* dan ahli politik sengaja tidak mahu selesaikan masalah kami. Ini satu taktik supaya *kompeni* balak boleh terus menebang hutan dan temuda kami. Jika kerajaan tidak ambil tindakan, kami takut tanah kami akan mengalami kerosakan lanjut. Maka, kami mula membuat benteng pada 1 Ogos 1989 untuk menghalang *kompeni* dari mencero bohi lebih ke dalam lagi"

- Pagah ak. Sebang, wakil rumah panjang



Dalam keadaan terdesak begini, kami pun membuat benteng.

Reaksi serta-merta pihak berkuasa terhadap tindakan *orang asal* adalah melalui undang-undang.





"Tidak ada unsur berperikemanusiaan tentang benteng tubuh badan yang sememangnya kacau-bilau saja."

Reaksi Ketua Menteri Sarawak.

Selepas Ordinan Hutan dipinda, beratus-ratus *orang asal* dari pelbagai suku kaum telah ditangkap dan dihukum penjara.

Mereka berhak untuk mempertahankan tanah mereka dari dirosakkan, dicerobohi dan dirampas oleh *kompeni* pembalakan.

Kompeni balak membuat aduan kepada polis supaya menangkap mereka yang membuat benteng tubuh di jalanraya pembalakan. Pegawai dan anggota polis hutan yang dihantar untuk menghentikan benteng tubuh dilaporkan bertindak dengan kasar dan menggunakan kekerasan. Tindakan polis semata-mata untuk menakut dan mengugut *orang asal* supaya tunduk kepada mereka.



Polis bertindak mengikut sesuka hati.

Mereka yang ditahan di balai polis untuk disoal-siasat selanjutnya berkali-kali diseksa. Misalnya, pada bulan Julai 1990, empat orang Kenyah dari Long Geng, Belaga dikatakan telah ditumbuk berkali-kali di bahagian perut dan paha dalam sebuah bilik di Umas Kem Tengah di Daerah Belaga. Mereka ditahan oleh polis dengan alasan untuk disoal-siasat selanjutnya. Sebenarnya, mereka bersama masyarakat Long Geng cuba menghalang *kompeni* kayu balak, Samling Sdn., Umas Sdn. Bhd. dan Sinara Sdn. Bhd. dari mencero bohi tanah NCR mereka.

Ada kalanya *orang asal* yang ditangkap atas kesalahan membuat benteng dibawa ke sana sini kerana pihak polis sendiri tidak pasti di mana tempat penahanan. Ada yang dibebaskan dengan ikat jamin yang tinggi semasa menunggu perbicaraan. Kes perbicaraan mengenai perselisihan tanah juga berkali-kali ditundakan oleh mahkamah. Apakah tundaan ini satu taktik *kompeni* dan polis?

"Kami telah berkali-kali merayu kepada kerajaan negeri Sarawak supaya lebih adil dan mengiktiraf hak kami ke atas tanah NCR. Tetapi kerajaan lebih suka memihak kepada kompeni kayu balak dan rayuan kami diabaikan. Sebaliknya, kerajaan menyuruh polis menangkap kami dan mendakwa kami sebagai penjenayah. Polis dan pegawai Jabatan Hutan mengambil pekerja balak untuk membantu mereka menangkap kami....."

– Kenyataan Jawatankuasa Kempen Sarawak untuk Kumpulan Wanita ke Jepun, Mei 1991.



Seorang wakil Kumpulan Wanita ke Jepun menyeru negara itu supaya berhenti mengimport balak dari Sarawak.

Namun begitu, semangat *orang asal* untuk mempertahankan tanah mereka tetap kuat. Beratus-ratus *orang asal* berhimpun secara aman di luar bilik mahkamah untuk mendengar rayuan perbicaraan dan memberi sokongan kepada mereka yang didakwa.

Sebelum perbicaraan itu bermula, polis pengawal rusuhan telah bersedia dengan bom pemedih mata, belantan dan perisai di luar Mahkamah Majistret. Tetapi perkara yang tidak diingini tidak berlaku.

Bagi kerajaan, mereka yang membuat rintangan untuk menghalang pembalakan adalah "anti-pembangunan". Tetapi seorang aktivis Kayan berkata, "Bagaimanakah kami boleh menghormati undang-undang bila undang-undang tidak menghormati kami?"

Kalau *orang asal* tidak mengambil tindakan yang sewajarnya, tidakah masa depan mereka akan gelap sekali? Maka itu, *orang asal* di seluruh negeri Sarawak mengadakan perhimpunan tunjuk perasaan secara aman untuk menuntut hak mereka terhadap tanah serta kuasa politik.



Bagaimanakah masa depan mereka?

Perjuangan *orang asal* semakin mendapat perhatian dari seluruh negara dan dunia.


Pada ketika yang sama:

42 orang Kayan dan Kenyah Dayak dari Uma Bawang di Hulu Sungai Baram telah ditangkap dan ditahan selama dua minggu pada 1987. Mereka didakwa di bawah Kanun Keseksaan atas kesalahan membuat benteng di jalanraya pembalakan. Tetapi polis terpaksa menarik balik kes mereka kerana tidak cukup bukti dan saksi.

Melalui tangkapan secara besar-besaran, kerajaan Negeri Sarawak mahu menghapuskan benteng-benteng yang dibuat oleh *orang asal* dan menakutkan *orang asal*.

Seorang pencinta alam, Anderson Mutang Urud, telah ditangkap dan ditahan oleh polis selama tiga minggu pada bulan Februari 1992 di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969. Undang-undang zalim ini memberi kuasa untuk menahan tanpa bicara dan melanggar hak asasi manusia.

Selepas itu, Mutang dituduh di Mahkamah Majistret di bawah Akta Kesatuan 1966. Dia dituduh menguruskan persatuan yang belum didaftarkan tetapi dibebaskan dengan ikat jamin RM\$2,000 dan 2 orang penjamin sementara menunggu perbicaraan.



Akan tetapi kes Mutang sering terpapar di surat-khabar kerana dia dituduh memperjuangkan hak ke atas tanah dan giat berkempen menentang kegiatan pembalakan.

Kerajaan Negeri Sarawak juga telah mengharamkan kemasukan para wartawan ke Negeri Sarawak supaya maklumat mengenai masalah *orang asal* tidak dilaporkan. Di samping itu, penjualan akhbar *Semenanjung Malaysia*, *The Star* telah diharamkan di Sarawak kerana membuat laporan

Ditangkap kerana menegakkan keadilan

yang tidak secocok dengan Kerajaan Negeri Sarawak semasa pilihanraya negeri pada bulan September 1991.

POLITIK PEMBANGUNAN – KEUNTUNGAN DIUTAMAKAN

Ketua Menteri Sarawak Taib Mahmud berminat untuk menubuhkan ladang untuk menjadikannya kawasan pembangunan yang akan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas. Ini termaktub dalam Manifesto Pilihanraya Barisan Nasional Sarawak pada tahun 1987:

"Menyedari potensi tanah, sumber alam yang penting dalam membangunkan negeri Sarawak, kerajaan Barisan Nasional akan melancarkan program besar-besaran untuk membangunkan kawasan yang luas menjadi estet pertanian, termasuk estet kecil dan kawasan pertanian yang teratur."

Atas nama pembangunan, kerajaan menggalakkan petani menanam tanaman untuk dijual. Terdapat petani yang menggantikan tanaman sara diri dengan tanaman jualan seperti pokok getah, kelapa sawit atau koko kerana mereka percaya akan memperbaiki kehidupan mereka. Tetapi realitinya berlainan. Selepas menggantikan padi dengan getah atau koko, mereka menyedari bahawa mereka mengalami kerugian besar apabila harga tanaman jualan ini jatuh. Ramai yang sengsara.



Petani berkorban demi "pembangunan" negeri?

Rakyat mahukan pembangunan, tetapi lazimnya pembangunan yang dilaksanakan bukan dalam bentuk yang boleh mereka terima. Mereka yang menyoal tentang pembangunan begini dicapkan sebagai anti-pembangunan seperti mana yang sering digambarkan oleh pihak berkuasa.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih menganjurkan projek perladangan bernilai berjuta-juta ringgit.

Di samping itu, Ketua Menteri Taib Mahmud mahu Kerajaan Persekutuan menimbang semula projek pelaksanaan kuasa hidro elektrik.


"Projek ini bukan sahaja menguntungkan rakyat Sarawak tetapi akan dapat mengekalkan arus pembangunan negeri Sarawak. kuasa hidro elektrik amat berguna sekali kepada negara kita sekarang yang sedang menuju ke arah perindustrian"

Taib Mahmud



Ini yang dikatakan "Politik Pembangunan" Kerajaan Barisan Nasional. Ketua Menteri Taib Mahmud giat melancarkan "Politik Pembangunan" selaras dengan seruan Kerajaan Persekutuan.

Padahal, penduduk luar bandar tidak menikmati faedah "politik pembangunan". Sebaliknya, pada bulan Ogos 1991, masyarakat Iban dari beberapa rumah panjang dari Daerah Pakan dan Bintangor menyeru kerajaan supaya "membuka skim pertanian yang kecil dengan memberi subsidi yang boleh memperbaiki kehidupan kami. Kami tidak mahu skim besar yang tidak menguntungkan kami".



Siapa yang menikmati hasil kekayaan negeri Sarawak?

Saya rasa, hasil dari jualan minyak masuk poket Kerajaan Persekutuan, hasil dari kayu balak pula dinikmati oleh pemegang lesen balak tempatan dan luar negeri serta ahli politik.

Betul, semasa kempen pilihanraya negeri Sarawak pada tahun 1987, musuh politik Taib Mahmud, yang juga bapa saudaranya, Abdul Rahman Yaakub telah mendedahkan bahawa sekutu politik serta saudara-mara Taib memegang 1.6 juta hektar atau lebih kurang 1/3 dari konsesi balak negeri ini.



Contohnya, Senator Tiong yang mengepalai sebuah keluarga di Sibu berdagang dalam perniagaan balak yang bernilai lebih daripada RM\$185 juta setahun. Syarikat Rimbunan Hijau keluarga Tiong ini telah meraih pendapatan sebanyak RM\$2 juta di antara tahun 1976 dan 1987. Oleh itu, tidaklah menghairankan jika Tiong dianggap sebagai salah seorang pemegang konsesi balak persendirian yang terbesar di dunia. Empayar balaknya merangkumi 800,000 hektar termasuklah hutan di Uma Bawang, di mana benteng pertama telah didirikan pada tahun 1987. Rakan-rakan kongsi Tiong adalah kakak Taib, Kerajaan Negeri, sebuah yayasan swasta Islam dan seorang senator lain.

Selain itu, Menteri Alam Sekitar Sarawak, Amar James Wong, memiliki salah sebuah syarikat pembalakan yang terbesar di Sarawak, yakni Limbang Trading.

Sejak tahun 1987, beratus-ratus orang asal Penan dan Kelabit di Long Napir di Limbang, Bahagian Miri telah membuat benteng untuk menghentikan syarikat Amar Wong daripada terus membalak di kawasan NCR mereka. Pada bulan Ogos 1987, Amar Wong mengarahkan polis masuk ke kawasan benteng untuk memecahkan benteng-benteng itu.

Sememangnya satu ironi bahawa seorang hartawan balak yang memiliki lebih dari 100,000 hektar konsesi balak di Limbang dan bertanggungjawab bagi pemusnahan secara skel besar kawasan perhutanan telah menjadi Menteri Alam Sekitar yang bertanggungjawab melindungi hutan, tumbuhan dan hidupan liarnya!

Bukankah Amar James Wong itu Menteri Alam Sekitar Sarawak?



Kerajaan Negeri Sarawak mempunyai kawalan sepenuhnya ke atas sumber alam negeri khususnya kayu balak dan galian tanah. Ketua Menteri Sarawak Taib Mahmud mempunyai hak mutlak untuk meluluskan keluaran lesen kayu balak!

Walau bagaimanapun, perjuangan rakyat Sarawak untuk mempertahankan tanah mereka dan menegakkan keadilan masih berterusan.



Bab 5

PERJUANGAN ORANG ASAL DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Pada hari ini, soal hak asasi *orang asal* telah diketahui seluruh dunia. Banyak persatuan ditubuhkan dan sidang diadakan untuk mem-bincang soal hak asasi orang asli, termasuk suku kaum *orang asal* Sarawak.


Modernisasi dan pembangunan terus mempengaruhi kehidupan orang asli dan mereka tetap menjadi mangsa. Walau bagaimanapun, mereka tidak berdiam diri. Dalam banyak kes—suku kaum Yanomami Brazil, Ainu Jepun, Orang Asli Semenanjung Malaysia dan Sabah serta *Orang Asal* Sarawak telah menyuarakan masalah dan kehendak mereka.

Perjuangan orang asli mendapat perhatian seluruh dunia. Begitu juga isu hutan tropika di Sarawak.

Sokongan tempatan:

PERJUANGAN KENYALANG
 Perjuangan Orang Asal Sarawak
 17 Julai - 3 Ogos 1992

KENYALANG • SARAWAK
 MENTERI UTAMA • DATO' SERI APALINGA
 DATO' HOSSEN DATU PRIMPIN



TANAH
 DABAH
 ...PAMBEUP...

HULURKAN SOKONGAN ANDA

- ✓ ...dengan penyetempatan yang kekal dan bertamadun di kawasan
 Kenyah Asal Sarawak.
- ✓ ...dan sokongan yang berkesan kepada Pertubuhan Kenyah Sarawak
 Masyarakat Asli Sarawak (PKMAS) untuk memperjuangkan hak-hak
 masyarakat Kenyah Asli. Tulis surat sokongan anda kepada
 PAMBEUP kepada:

1. D. Dinjaga, Menteri
 Besar dan Menteri Menteraja
 Sarawak, Dataran Merdeka,
 97000 Kuching, Sarawak

2. M. Hing, Menteri
 Besar, 101 Jalan Duta, Kuala Lumpur
 50450, Kuala Lumpur


3. M. Yusoff, Menteri
 Besar, 101 Jalan Duta, Kuala Lumpur
 50450, Kuala Lumpur

Sokongan luar negeri:

Laporan Pertubuhan Pengeluar Kayu Tropika Antarabangsa (ITTO) menetapkan 6.3 juta meter kubik setahun sebagai kadar pembalakan yang boleh dikekalkan. Jika tidak, hutan tropika Sarawak akan pupus dalam masa 8 tahun lagi!

Hari ini, sokongan untuk isu hutan tropika Sarawak makin meluas.

Action



Hotline Asia / Thailand

As a human right group in Thailand, we are
deeply concerned about this problem
and we would like to support this campaign

Pada bulan Mac 1990, dua orang Ahli Parlimen Eropah, Hammo Muntingh dan Jan Willem Berteus melawat Kuching, Marudi, Miri dan Baram untuk membuat soal-siasat tentang pembalakan di Sarawak. Mereka berkata:



"... hak asasi orang asli sepatutnya diiktirafkan dengan memberi mereka kuasa sepenuhnya ke atas tanah NCR. Ini adalah apa yang telah dituntutkan oleh wakil-wakil masyarakat orang asal semenjak 1987."

Awal tahun 1959 sudah wujud *Indigenous and Tribal Population Convention* (No. 107) yang disokong oleh Pertubuhan Sekerja Antarabangsa (ILO), yang mengiktiraf hak orang asli ke atas tanah mereka.

Pada tahun 1980an pula, Suruhanjaya Kecil Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Mencegah Diskriminasi dan Melindungi Kaum Minoriti dibentuk untuk menggubal *Pengumuman Sejagat Mengenai Hak Orang Asli, Dokumen Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu*.

Pada ketika yang sama, kerajaan negara-negara maju di Utara dan negara-negara membangun di Selatan berhujah dan bertengkar mengenai isu alam sekitar dan hutan tropika. Ini berterusan sehingga Sidang Kemuncak Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (Unced) di Rio de Janeiro, Brazil pada bulan Jun 1992.

Namun begitu, isu hak tanah *Orang Asli* Sarawak serta orang asli di merata dunia tidak ditimbulkan!



Perdebatan isu semasa - "Selatan" melawan "Utara".



Akhirnya, dia pergi juga ke Rio!

Malahan Perdana Menteri Malaysia Mahathir Mohamad berkata, "Malaysia dan negara membangun menggunakan hutan mereka kerana ia adalah hasil pendapatan negara berkenaan."

Tetapi persoalannya ialah, "Siapa yang mendapat untung dari jualan kayu balak?"

Menteri Perusahaan Utama Malaysia Lim Keng Yaik, semasa di Rio berkata, "Malaysia mengambil berat soal alam sekitar tanpa mengabaikan kepentingan suku kaum yang bergantung kepada sumber hutan."



Kalau begitu, mengapakah ramai orang asal Sarawak ditangkap dan ditahan kerana mempertahankan tanah mereka dari kegiatan pembalakan? Bukankah tindakan tidak membertarkan mereka mempertahankan tanah dan kehidupan mengabaikan kepentingan mereka?



"Kami ditangkap kerana mempertahankan tanah NCR kami".

Kenyataan dan ucapan perwakilan serta ketua-ketua negara maju di Utara dan negara membangun di Selatan jelas menggambarkan bahawa mereka mendekati penyelesaian terhadap isu tanah dan hutan daripada pandangan yang amat bertentangan dengan hasrat *orang asal*.

Sungguhpun pihak individu, badan bukan kerajaan dan pihak kerajaan mengatakan bahawa mereka memperjuangkan hak asasi *orang asal*, tetapi tindakan mereka masih mirip kepada isu alam sekitar.

Perjuangan *orang asal* Sarawak bukan setakat isu alam sekitar sahaja. Perjuangan mereka adalah untuk menuntut hak mereka atas hutan dan tanah. Hak ini termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Perisytiharaan Antarabangsa mengenai Hak-Hak Asasi Manusia.

Perlembagaan Persekutuan:

Perkara 13(1): Tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali melalui undang-undang

Perkara 13(2): Tiada sesuatu undang-undang pun boleh membuat peruntukan bagi mengambil atau menggunakan harta-harta dengan secara paksa dengan tiada pampasan yang mencukupi

Perisytiharaan Antarabangsa mengenai Hak-Hak Asasi Manusia:

Perkara 2 : Setiap orang perlu diperuntukkan semua hak dan kebebasan yang termaktub dalam Deklarasi ini, tanpa membeza-bezakan hal-hal seperti bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, agama, pendirian politik atau fahaman lain, asal kewarganegaraan atau sosial, harta milik, status keturunan atau darjat lain.

Perkara 17(1): Setiap orang berhak memiliki harta benda secara perseorangan dan secara bergabung dengan orang lain

Perkara 17(2): Tiada orang yang harta miliknya boleh diambil dengan sewenang-wenangnya.


Hak yang sama juga dimaklumkan dalam Manifesto Barisan Nasional Sarawak semasa kempen pilihan raya negeri Sarawak pada tahun 1987:

"... bahawasanya kerajaan negeri Sarawak akan melindungi hak kaum suku bangsa asal Sarawak."

Kerajaan Negeri Sarawak mahupun kerajaan negeri yang lain melanggar hak *orang asal* yang dijamin oleh Perlembagaan dan Perisytiharaan Antarabangsa jika mereka mengabaikan hak adat asal ke atas tanah dan hutan.

Bab 6

MEMBINA MASA DEPAN YANG BOLEH DIKEKALKAN



Bagi kami orang asal, sama ada hidup secara tetap, separuh tetap mahupun berpindah-randah khususnya suku kaum Penan, hutan tropika adalah sumber segala makanan, perubatan, perkakas, bahan binaan rumah, hubungan kerohanian dan tapak perkuburan nenek moyang kami. Polisi kerajaan memindahkan dan menyeraapkan kami secara paksa ... adalah pengkikisan hak asasi kami untuk menentukan masa hadapan sendiri dan kemuliaan sebagai manusia.

Demikianlah bunyinya kenyataan *Orang Asal* Sarawak yang ditujukan kepada Suruhanjaya Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Hak-Hak Manusia di Geneva pada bulan Mac 1991.

Pada satu masa dahulu, kehidupan *orang asal* adalah sederhana. Mereka boleh memunggut hasil hutan, menangkap ikan dan membina rumah. Tetapi kini mereka dipengaruhi oleh cara hidup yang dikatakan moden, yakni sebagai kuli di estet perladangan, pekerja di kawasan pembalakan atau peneroka di skim penempatan.

Kini, tanah telah menjadi barangan yang dijual-beli untuk keuntungan. Kerajaan menganggap tanah sebagai kepunyaan mereka, melalui penguatkuasaan syarat seperti semua tanah *orang asal* mesti mempunyai geran. Permohonan untuk geran tanah mengambil masa yang lama untuk diluluskan. Jabatan Ukur dan Tanah melambat-lambatkan kerja menyukat tanah *orang asal*. Maka borang permohonan semakin bertimbun di pejabat Pegawai Daerah. Tetapi untuk urusan lesen kayu balak, mereka cepat-cepat pergi menyukat!



Yang mengambil masa selama 50 – 100 tahun untuk berkembang lenyap begitu sahaja!

Dalam masa yang sama, *kompeni* kayu balak terus menebang tebas hutan. Pembalakan adalah punca kepupusan spesies hidupan liar dan tumbuhan di hutan. Edaran hidup hutan tropika semulajadi telah mengambil masa selama 50 hingga 100 tahun untuk berkembang dan ia mengandungi separuh daripada spesies hidupan hutan dunia. Jika ia ditebang keterlaluan, pengembalian ekologi hutan adalah mustahil. Bila kayu balak diambil dan tanah dibersihkan, ia menyebabkan hakisan tanah dan kualiti tanah yang tinggal itu menurun. Ini mendatangkan kesusahan kepada petani di kawasan itu jika mereka ingin menanam padi atau menjalankan kegiatan lain.


Tetapi Perdana Menteri Mahathir Mohamad menjelaskan bahawa selama ini Malaysia menebang tebas hutan hanya untuk tujuan perumahan, penempatan dan hasil pendapatan,



"Kita tidak mengeksploitasikan hutan tanpa sebarang tujuan. Kita perlukan sumber pendapatan daripada hutan."

Namun begitu, Sarawak mempunyai jumlah penduduk yang kecil serta tanah yang luas untuk tujuan pertanian dan perindustrian. Jadi perlukah hutan ditebang?

Kepentingan Pokok-Pokok



Pokok-pokok dan tumbuhan sangat penting bagi mengekalkan spesies tumbuhan dan hidupan liar.

Pokok membekal kayu untuk pembinaan rumah dan ramuan ubat-ubatan. Pokok mengimbangkan keadaan cuaca dan kepanasan bumi.

Pokok menghalang hakisan dari berlaku.

Kawasan hutan tropika semulajadi yang terkawal mampu menyerap 35 peratus air hujan di permukaan.

Hutan Rimba



Permulaan hutan hujan dan liputan permukaan merakung dan menyimpan air untuk sungai dan anak sungai.

Air menjadi awan semula

Permukaan hutan rimba


Liputan permukaan hutan

Air juga ditangkung dalam tanah.

Air mengalir ke sungai dan kawasan takungan air. Biar pun musim kering bekalan air masih ada kerana hutan mampu menyimpan air.

Tetapi di kawasan yang telah ditebang, kadar penyerapan air hujan menurun menjadi kurang dari 20 peratus.

Ladang



Air mengalir dengan deras ke anak sungai menyebabkan berlakunya banjir dan pemedapan. Pada musim kering, kemarau berlaku.

Ini akan menyebabkan banjir, mendapan lumpur, hakisan tanah, pencemaran air sungai dan kematian hidupan air.

Hidupan liar serta tumbuhan hutan juga digantikan dengan tumbuhan sejenis, seperti akasia mangum dan pokok eucalyptus. Ladang tanaman sejenis tidak mampu mengekalkan hayat kepelbagaian spesis hutan. Malahan mereka adalah daya tarikan bagi serangga perosak yang menghapuskan spesis hutan.

Sejak akhir-akhir ini, banyak tanah ditukar menjadi tapak permainan golf. Di samping itu, kerajaan dan persatuan alam sekitar giat menyeru orang bandar menanam pokok di halaman rumah mereka.

Kononnya mahu memperjuangkan "kehijauan" dunia. Tetapi tidak pula melindungi pelbagai lapisan tumbuhan yang dapat menyokong ekosistem serta genetik setiap hidupan liar dan tumbuhan di hutan.



"Ladang golf kami hijau, maka kami juga menjaga kehijauan bumi."



Kepentingan hutan bagi kehidupan...

Sistem pembangunan semasa adalah bertentangan dengan cara hidup yang diamalkan oleh masyarakat *orang asal* berabad-abad lamanya. *Orang Asal*, khususnya yang bergantung kepada hutan sedar akan kekayaan kehidupan di bumi, jutaan tumbuhan dan haiwan dan mikro-organisma, kandungan genetik mereka, dan hubungan kompleks biodiversiti di antara mereka.


Maka, sistem pertanian dan perhutanan *orang asal* dapat mengekalkan biodiversiti kerana mereka menyedari kepentingan hutan bagi kehidupan mereka. Mereka sentiasa memelihara, mengurus dan membangun hutan dengan amat baik.

Sebaliknya, kerajaan menganggap cara pertanian pindah-randah telah memusnahkan hutan!

APAKAH TANGGUNGJAWAB KITA?

Ramai daripada kita di bandar yang bimbang dengan kemusnahan hutan tropika.

Kita bimbang tentang kesan pencemaran serta pembuangan sisa, karbon dioksida dan gas pada kadar yang tidak terkawal.



Tetapi pada hakikatnya orang bandar menghasilkan, pada purata, ½ kilo sampah setiap hari.

Sebahagian besar dari kertas sampah itu boleh diasingkan dan digunakan semula. Kalau kita mengurangkan penggunaan kertas, tidaklah perlu menebang pokok yang berlebihan untuk pembuatan kertas.



Kita seharusnya sedar bahawa kita juga bertanggungjawab menjadikan kehidupan *orang asal* bertambah susah. Oleh itu, mengatasi masalah alam sekitar adalah tanggungjawab bersama dan bukan hanya tanggungjawab *orang asal*.



Manusia menghasilkan 1/2 kilo sampah setiap hari!



Hutan bagi *orang asal* samalah seperti rumah bagi *orang bandar*.

Sebagai permulaan, kita harus memahami bahawa melindungi hutan dan tanah ini juga bererti menjamin penghidupan mereka yang bergantung padanya. Hanya apabila kita, penduduk bandar berupaya menukar pendapat yang menganggap tanah ini sebagai rumah kita, kita akan dapat melihat masalah sebenar *orang asal*, menerusi pandangan mereka mengenai alam semulajadi.


Jika *orang asal* tidak bekerja makan gaji, seperti kebanyakan orang bandar, mereka perlu mata pencarian yang lain. Ini boleh jadi bercucuk-tanam, memburu atau menangkap ikan.

Memandangkan bahawa hutan dan tanah amat penting bagi *orang asal*, kita harus menyokong perjuangan *orang asal* mempertahankan tanah dan hutan mereka.




Selain dari itu?

Kita perlu mengubah sikap dan cara hidup, yakni mengurangkan pembaziran melalui penggunaan tenaga secara lebih berkesan. Kita juga perlu mengurangkan penggunaan bahan yang mencemar udara dan memberi kesan buruk kepada alam sekitar dan kesihatan manusia.



Banyak bahan dapat digunakan semula.

Dalam usaha mengurangkan pembaziran dan menjimatkan tenaga, kaum wanita di merata-rata dunia begitu aktif melindungi alam sekitar dan bumi. Ini wujud dari perhubungan yang amat erat antara wanita dan alam sekitar – sebagai pemberi nyawa dan pengguna. Jadi, mereka sedar akan ancaman kepada kesihatan dan kehidupan manusia akibat kerosakan terhadap alam sekitar dan bumi.



Hubungan di antara kaum wanitaluarbandardengan alam sekitar amatlah erat. Secara amnya, kaum wanitalah yang mencarikuayu api, memunggut makanandan mengangkat air untuk keluarga. Beban mereka bertambah berat sekiranya sungai tercemar dan kayu api semakin berkurangan kerana kegiatan pembalakan. Mereka terpaksa berjalan lebih jauh untuk mendapatkan air. Mereka terpaksa bekerja lebih keras apabila tanah dirosakkan oleh hakisan.

Pembangunan terkawal melibatkan rakyat sepenuhnya dalam proses membuat keputusan tentang jenis pembangunan yang mereka mahu, khususnya tentang penggunaan tanah mereka dan "re-zoning".

Rakyat sendiri memutuskan dan menguruskan corak penggunaan tanah mereka. Para petani sendiri mampu mengamalkan cara pertanian yang tidak membawa kesan buruk kepada tanah dan alam sekitar. Tidak perlu adanya skim ladang besar-besaran.



"Batalkan projek empangan hidro elektrik yang besar. Kawal kegiatan pembalakan. Hentikan kegiatan pembalakan di kawasan tanah NCR... tingkatkan lagi usaha demi memperjuangkan hak kesaksamaan dan keadilan untuk semua. Kalau ada tekad adalah jalannya... Agi Idup Agi Ngelaban!"